



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

IKLAN TAWARAN KONTRAK PENGURUSAN DAN PEMBERSIHAN TANDAS AWAM MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN + SATU (1) TAHUN

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia terutama yang bermastautin di Daerah Kemaman bagi memasuki Tawaran Pengurusan dan Pembersihan Tandas Awam Majlis Perbandaran Kemaman. **Keutamaan kepada ibu tunggal, pesara-pesara kerajaan dan golongan B40.**

- ***Tempoh percubaan adalah selama tiga (3) bulan, sekiranya Majlis berpuas hati dengan prestasi pengusaha, kontrak akan dikekalkan.***

Berikut adalah senarai Tandas-andas awam dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kemaman:

1. Tandas Awam RnR Kemasik Dan Surau
2. Tandas Awam Pantai Kemasik (Kiosk)
3. Tandas Awam Pekan Kemasik
4. Tandas Awam Kuala Kerteh II
5. Tandas Awam Hadapan Sekolah Kebangsaan Kerteh
6. Tandas Awam Kuala Kerteh (Kiosk) dan Surau
7. Tandas Awam Meraga Beris Kijal dan Surau
8. Tandas Awam Pantai Teluk Kalong
9. Tandas Awam Waterfront dan Surau
10. Tandas Awam Elit Geliga
11. Tandas Awam Pantai Teluk Mak Nik dan Surau
12. Tandas Awam Pasar Cukai
13. Tandas Awam Pasar Borong dan Surau
14. Tandas Awam Medan Selera Jom Makan
15. Tandas Awam Taman Cukai Utama
16. Tandas Awam Pantai Marina dan Surau
17. Tandas Awam Padang Astaka
18. Tandas Awam Taman Bandar
19. Tandas Awam Pantai Penunjuk Kijal dan Surau
20. Tandas Awam Perhentian Bas
21. Tandas Awam Pasar Binjai

TAWARAN KONTRAK PENGURUSAN TANDAS

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



PERMOHONAN DIBUKA KEPADA IBU TUNGGAL, PESARA KERAJAAN DAN GOLONGAN B40. PENGURUSAN PEMBERSIHAN TANDAS AWAM DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN DI LOKASI BERIKUT :

- TANDAS AWAM TANDAS PANTAI TELUK MAK NIK , KIOSK DAN SURAU
- TANDAS AWAM PADANG ASTAKA
- TANDAS AWAM PEKAN KEMASIK
- TANDAS AWAM HADAPAN SEKOLAH KERTIH DAN KIOSK
- TANDAS AWAM KUALA KERTIH 1, KIOSK DAN SURAU
- TANDAS AWAM KUALA KERTIH 2 (PANTAI)
- TANDAS AWAM STESEN BAS CHUKAI
- TANDAS AWAM PASAR CHUKAI
- TANDAS AWAM TAMAN CUKAI UTAMA
- TANDAS AWAM RNR KEMASIK DAN SURAU
- TANDAS AWAM PANTAI KEMASIK
- TANDAS AWAM PEKAN KEMASIK
- TANDAS AWAM HADAPAN SEK. KEB. KERTEH
- TANDAS AWAM MELAGA BERIS DAN SURAU
- TANDAS AWAM PANTAI TELUK KALONG
- TANDAS AWAM PASAR BORONG DAN SURAU
- TANDAS AWAM MEDAN SELERA JOM MAKAN
- TANDAS AWAM PANTAI MARINA
- TANDAS AWAM TAMAN BANDAR
- TANDAS AWAM PASAR BINJAI
- TANDAS AWAM PANTAI PENUNJUK KIJAL



SILA IMBAS QR DI
BAWAH UNTUK MEMUAT TURUN
BORANG PERMOHONAN
SERTA SYARAT DAN SKOP KERJA



Untuk syarat penuh dan muat turun borang permohonan:
SILA HUBUNGI JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

BAYARAN PENGURUSAN
RM 1,700 HINGGA RM 1,900.00
*Tertakluk Terma dan syarat



Tarikh buka Permohonan
01 OGOS 2023

Tarikh Tutup Permohonan
14 OGOS 2023

09 859 7700/ext: 138



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN



**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

GAMBAR

**BORANG PERMOHONAN BAGI PENGURUSAN PEMBERSIHAN
TANDAS AWAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

TANDAS AWAM :

BUTIR-BUTIR PERIBADI :

1. NAMA PENUH :
 2. NO. K/P :
 3. ALAMAT :
:
:
 4. TELEFON BIMBIT :
 5. UMUR :
 6. AGAMA :
 7. BANGSA :
 8. TARAF PERKAHWINAN :
 9. BILANGAN ANAK :
 10. JUMLAH TANGGUNGAN :
 11. PENGALAMAN KERJA :
- Nyatakan Sekiranya ada :

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang saya berikan ini adalah benar :

Tarikh : Tandatangan :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh Permohonan Diterima :

Status Permohonan : DILULUSKAN / DITOLAK

***SILA ISI BORANG DENGAN HURUF BESAR**

***SILA LAMPIRKAN SALINAN KAD PENGENALAN DAN DOKUMEN BERKAITAN**

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a. Borang permohonan Pengurusan dan Pembersihan Tandas Awam boleh didapati di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Kemaman.
- b. Borang tersebut hendaklah diisi lengkap serta dilampirkan bersama satu (1) salinan Kad pengenalan pemohon dan hendaklah dihantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kemaman.
- c. Pemohon mestilah bebas daripada sebarang kekangan kerja lain yang boleh mengganggu Pengurusan dan Pembersihan Tandas Awam.
- d. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima selepas tarikh tutup permohonan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi di **talian 09-859 7700 sambungan 138**

Tarikh Permohonan : 01 Ogos 2023
Tarikh Tutup Permohonan : 14 Ogos 2023

SKOP KERJA

Pengusaha hendaklah memastikan semua kerja dilaksanakan berdasarkan spesifikasi dan skop kerja pembersihan yang telah dipersetujui seperti berikut :

- i) Pengusaha hendaklah menyediakan bahan pencucian dan peralatan tandas seperti penyapu, mop, dan baldi bagi kerja-kerja yang dijalankan di bawah arahan kerja dengan perbelanjaan ini. Peralatan dan bahan pencuci yang sesuai dan dipersetujui oleh pihak MPK sepanjang melaksanakan kerja-kerja pembersihan dijalankan.
- ii) Memastikan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. (mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPK)
- iii) Pengusaha perlu sentiasa ada di tandas mengikut arahan dan boleh membuat kutipan bayaran sebagaimana berikut :

Bayaran Masuk - RM 0.30
Mandi - RM 1.00

- iv) Tandas dibuka setiap hari termasuk cuti umum.
- v) Pengusaha tandas bertanggungjawab penggunaan bil elektik dan air Tandas Awam
- vi) Majlis akan membuat pengauditan tandas setiap satu (1) bulan sekali dan tandas hendaklah mencapai tahap kebersihan di **Jadual 1**.

BAYARAN

- a) Majlis akan membayar kepada pengusaha di atas kerja-kerja yang dilakukan sebanyak **RM 1,700.00 hingga RM 1,900.00** tertakluk kepada kategori tandas yang ditetapkan oleh Majlis.
- b) Kutipan di atas penggunaan tandas awam adalah menjadi kepunyaan pengusaha.

TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA

- a) Pengusaha hendaklah membaiki kerosakan-kerosakan kecil seperti berikut :
 - i. Pintu
 - ii. Cermin
 - iii. Sinki
 - iv. Plus Sistem
 - v. Kubikel
 - vi. Urinal
 - vii. Cat pudar
 - viii. Kebocoran paip
 - ix. Lampu
 - x. Suis Lektrik
 - xi. Jubin lantai yang rosak
 - xii. Pokok-pokok atau hiasan yang terdapat dalam tandas
- b) Bekalan Letrik Dan Air
 - i. Caj bagi penggunaan semasa letrik dan air adalah di bawah tanggungan pengusaha

TANGGUNGJAWAB MAJLIS

- a) Tanggungjawab Majlis membaiki kerosakan adalah seperti berikut :
 - i. Struktur Fizikal - retak, pecah dan selenggara
 - ii. Siling
 - iii. Atap - Kebocoran, pecah dan sebagainya
 - iv. Longkang pecah bahagian luar
 - v. Kebocoran yang besar
- b) Indah Water
 - i. Bayaran perkhidmatan adalah di bawah tanggungan Majlis.

JADUAL 1 : SPESIFIKASI KERJA

TANDAS AWAM DAN SURAU				
Bil	Perkara	Kekerapan	Keterangan Kerja	Catatan
1.	Keseluruhan Dinding Sebelah Luar & Dalam	2 Kali Sehari Apabila Perlu Sekali Sebulan	1.1 Menyapu membersihkan dinding supaya bebas dari kotoran & habuk 1.2 Membersih setempat 1.3 Menggosok keras dengan bahan kimia yang diluluskan bagi tiada kesan kotoran.	
2.-	Lantai, Longkang & Kaki Lima	2 Kali Sehari 2 Kali Sehari 1 Kali Sehari 2 Kali Sebulan	2.1 Menyapu dan membuang sampah 2.2 Membersih dan mengemop supaya lantai sentiasa kering 2.3 Penyemburan dan mengilap keseluruhan lantai. 2.4 Membersih dan mencabut rumput di dalam serta sekitar longkang dan daun kering.	
3.	Peralatan Tandas (Mangkuk Tandas, Sink, Urinal, Sistem Flask & Cermin.)	2 Kali Sehari 1 Kali Sehari	3.1 Mencuci & Membersih supaya peralatan sentiasa bersih & berkilat 3.2 Menggosok keras mangkuk tandas & Urinal Sink supaya bebas dari kotoran dan kerak kapur.	
4.	Pembuangan Sampah	2 Kali Sehari Berterusan	4.1 Membuang sampah yang terdapat di dalam tong sampah ke tempat yang dibenarkan 4.2 Memastikan plastik sampah mencukupi.	